



KERATAN AKHBAR		
4 January 2016		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	62,633 kes denggi
Muka Surat	:	37

62,633 kes denggi

■ Selangor catat rekod tertinggi

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
 mhusni@hmetro.com.my
Putrajaya

Selangor terus mengungguli kes denggi tertinggi di negara ini dengan 62,633 kes sepanjang tahun lalu.

Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan (CPRC), Kementerian Kesihatan dalam kenyataan dikeluarkan di sini semalam berkata, secara keseluruhan, 119,736 kes denggi direkodkan di seluruh negara pada tahun 2015 dengan 322 kematian dicatatkan.

Menurutnya, Johor berada pada kedudukan kedua dengan 15,579 kes, Perak (9,414 kes), Kuala Lumpur (8,002 kes), Pulau Pinang (5,572 kes) dan Pahang (2,976 kes).

“Dalam pada itu, 132 kawasan membabitkan Johor, Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur disenaraikan sebagai kawasan panas

denggi iaitu kawasan wabak berpanjangan melebihi 30 hari,” katanya.

Katanya, 1,171 kluster dicatatkan iaitu kawasan yang menerima dua atau lebih kes wabak denggi 14 hari berturut-turut dengan jumlah tertinggi di Selangor dengan 750 kes, Johor (181 kes), Pulau Pinang (84 kes) dan Kuala Lumpur (53 kes).

Dalam pada itu, katanya, masyarakat perlu terbabit secara aktif dalam menjalankan aktiviti mengesan dan mencari pusat pembiakan aedes sebelum memusnahkannya.

“Aktiviti gotong-royong dan pembersihan kawasan perlu dilakukan setiap minggu terutama di kediaman masing-masing.

“Penularan jangkitan denggi terus berlaku jika penduduk mengambil sikap sambil lewa dan tidak peduli,” katanya.

FAKTA
 1,171 kluster dicatatkan iaitu kawasan terima dua atau lebih kes wabak denggi